



KEMENTERIAN KERJA RAYA

KENYATAAN MEDIA

MAJLIS PENYERAHAN PROJEK DAN SURAT SETUJU TERIMA (SST) BAGI PROGRAM CAKNA MADANI: PELAKSANAAN PROGRAM MENAIKTARAF INFRASTRUKTUR KESELAMATAN JALAN RAYA TAHUN 2026

KUALA LUMPUR – Yang Berhormat Dato' Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri Kerja Raya telah menyempurnakan Majlis Penyerahan Projek dan Surat Setuju Terima (SST) bagi Program Cakna MADANI: Pelaksanaan Program Menaiktaraf Infrastruktur Keselamatan Jalan Raya Tahun 2026 melibatkan Program Memperelok Lokasi Kerap Berlaku Kemalangan (*Blackspot*) Fasa satu (1) dan Fasa dua (2) serta Program Lintasan Pejalan Kaki Searas Berlampu Isyarat (LPKSI).

2. Seajar manifestasi komitmen berterusan Kerajaan MADANI dalam memperkuat keselamatan infrastruktur jalan raya serta melindungi nyawa pengguna jalan raya melalui pelaksanaan projek-projek berimpak tinggi yang dapat memberi manfaat secara langsung kepada rakyat. Program Cakna MADANI menumpukan kepada pelaksanaan projek kecil dan sederhana yang mampu disiapkan dalam tempoh yang singkat bagi memastikan manfaatnya dapat dinikmati dengan segera oleh rakyat, selaras dengan aspirasi “cepat siap, cepat manfaat”.

3. Dalam usaha meningkatkan tahap keselamatan jalan raya negara, Program *Blackspot* dilaksanakan secara bersasar berdasarkan analisis data kemalangan yang direkodkan menerusi sistem *Road Accident Management System* (RAMS). Pendekatan berasaskan data ini membolehkan lokasi-lokasi berisiko tinggi dikenal pasti dengan lebih tepat bagi pelaksanaan intervensi yang berkesan. Sejak tahun 2021 hingga 2025, sebanyak 342 lokasi *Blackspot* telah berjaya dirawat dengan peruntukan keseluruhan berjumlah RM118.5juta.

4. Bagi meningkatkan keselamatan pejalan kaki pula, KKR terus melaksanakan Program LPKSI yang telah diperkenalkan sejak tahun 2018. Sehingga tahun 2025, sebanyak 154 lokasi telah dilengkapi dengan kemudahan lintasan pejalan kaki searas berlampu isyarat melibatkan kos keseluruhan sebanyak RM39.79 juta.

5. Bagi tahun 2026, Kerajaan telah meluluskan pelaksanaan sebanyak 94 lokasi di seluruh Semenanjung Malaysia yang merangkumi 77 lokasi Program *Blackspot* dengan peruntukan RM27.85juta serta 17 lokasi Program LPKSI melibatkan peruntukan RM5.2juta. Pelaksanaan projek-projek tersebut akan memberi manfaat kepada 11 negeri dan 36 daerah.
6. Pada majlis ini, KKR turut menyampaikan Surat Setuju Terima (SST) kepada 32 kontraktor yang berjaya dilantik bagi melaksanakan Program *Blackspot* Fasa dua (2). Selain itu, penghargaan turut diberikan kepada kontraktor-kontraktor yang telah berjaya menyiapkan kerja di bawah Program *Blackspot* Fasa satu (1) dan Program LPKSI mengikut tempoh dan spesifikasi yang ditetapkan.
7. Dalam ucapannya, YB Menteri Kerja Raya menegaskan bahawa keselamatan pengguna jalan raya kekal menjadi keutamaan kerajaan. Beliau turut menyeru semua kontraktor yang dilantik agar melaksanakan amanah yang diberikan dengan penuh integriti, profesionalisme dan komitmen tinggi supaya setiap projek dapat disiapkan mengikut jadual serta mencapai standard kualiti yang ditetapkan demi manfaat rakyat. Selain meningkatkan keselamatan jalan raya, pelaksanaan program ini turut menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi tempatan melalui penglibatan kontraktor dan penyedia perkhidmatan tempatan.
8. KKR dan JKR terus komited bahawa pelaksanaan Program Cakna MADANI ini akan menjadi antara inisiatif utama kerajaan dalam memperkukuh keselamatan Jalan Persekutuan secara berterusan melalui penyediaan infrastruktur yang lebih berkualiti, selamat dan mampan demi kesejahteraan seluruh rakyat.

KEMENTERIAN KERJA RAYA

22 JULAI 2026

#KearahKesejahteraanRakyat

#JasaKepadaRakyat

#MYJALAN

#TangkasBertindak

#KerajaanMADANI

#MADANIBekerja